
Pengalaman Guru Mengintegrasikan Humor dalam Pengajaran Kemahiran

Membaca: Satu Analisis Literatur

Peyona Binti Mokhtar¹, Dr. Hafifi Hafidz Horace²

¹ Institut Pendidikan Guru Kampus Gaya, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia
E-mail: peyonamokhtar241092@gmail.com

² Institut Pendidikan Guru Kampus Gaya, Kota Kinabalu, Sabah
E-mail: hafifihorace@gmail.com

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis secara kritis dapatan terdahulu tentang pengalaman guru dalam mengintegrasikan humor dalam pengajaran kemahiran membaca. Humor dikenal pasti sebagai salah satu strategi pedagogi yang berpotensi meningkatkan minat, penglibatan serta motivasi murid dalam kemahiran membaca. Reka bentuk kajian ini adalah kualitatif melalui pendekatan analisis dokumen yang melibatkan pemilihan artikel dan jurnal yang sesuai dari pangkalan data seperti Google Scholar dan MyJurnal. Artikel yang memenuhi kriteria, fokus kepada humor dalam pendidikan, dan konteks pengajaran membaca dianalisis. Instrumen kajian berbentuk senarai semak sistematik bagi menilai tema, kaedah, dan dapatan utama dalam setiap kajian. Data dianalisis secara tematik untuk mengenal pasti corak, persamaan dan perbezaan dalam pengalaman guru berkaitan bentuk humor yang digunakan, keberkesanannya serta cabaran yang dihadapi. Kajian ini dijangka dapat merumuskan gambaran menyeluruh tentang amalan humor dalam pengajaran membaca dan mencadangkan kerangka awal bagi penyelidikan lanjut serta aplikasi dalam latihan keguruan. Hasil kajian ini juga diharapkan dapat menyumbang kepada pembangunan strategi pedagogi yang lebih menyeronokkan, berkesan dan berpusatkan murid.

Kata Kunci: *humor, kemahiran membaca, pengalaman guru, analisis dokumen, pedagogi*

I. PENGENALAN

Kemahiran literasi dalam konteks Pendidikan dikenali sebagai “kenal atau Celik huruf” iaitu keupayaan sederhana dalam aktiviti membaca. Ketidakupayaan murid di sekolah rendah untuk menguasai kemahiran membaca asas adalah satu cabaran besar dalam dunia pendidikan masa kini. Justeru itu, pelbagai usaha telah dilancarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai Langkah proaktif dalam menangani isu ini. Antaranya ialah pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang diselaraskan dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2015 (KPM 2013) [10], yang jelas memberi tumpuan kepada penguasaan Kemahiran membaca dalam kalangan murid di peringkat rendah kerana Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan.

Pengajaran Bahasa Melayu di peringkat sekolah rendah memainkan peranan penting dalam membentuk asas literasi murid. Kemahiran membaca adalah salah satu elemen utama yang perlu dikuasai oleh murid sejak awal pendidikan mereka. Dalam usaha memperbaiki pencapaian dalam pengajaran membaca, penggunaan pendekatan yang menarik seperti humor dilihat sebagai strategi yang

berpotensi untuk meningkatkan minat pelajar dalam pembelajaran. Menurut, Low Zie Ying et. al (2024) jika dikaji dengan lebih teliti peranan guru dalam usaha memastikan murid mempunyai motivasi yang tinggi untuk menguasai kemahiran membaca.

Humor bukan sahaja mengurangkan tekanan semasa pembelajaran, malah dapat mengukuhkan hubungan antara guru dan murid, sekaligus meningkatkan pencapaian akademik mereka (Lu'mu et al., 2023) [21]. Penggunaan humor dalam pendidikan bukanlah sesuatu yang baharu. Sejak dahulu lagi, pendidik telah menggunakan unsur jenaka sebagai alat untuk menarik perhatian dan meningkatkan tumpuan pelajar. Guru yang menggunakan humor secara berkesan mampu mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih santai dan interaktif (Ismail & Sulaiman, 2023).

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menggariskan pelbagai dasar dan program untuk memperbaiki keberkesanan pengajaran di sekolah rendah, termasuklah dalam pengajaran Bahasa Melayu. Salah satu program yang menekankan aspek kreativiti dalam pengajaran adalah Program Transisi Kurikulum yang memberi kebebasan kepada guru untuk mengadaptasi

pelbagai pendekatan, termasuklah penggunaan humor dalam pengajaran. Walaupun penggunaan humor tidak ditekankan secara khusus dalam kurikulum, ia adalah elemen yang sesuai dengan prinsip pengajaran yang berpusatkan murid, yang mana bertujuan untuk meningkatkan minat dan penglibatan pelajar dalam pembelajaran. Dalam pengajaran kemahiran membaca humor dapat berfungsi untuk mengurangkan tekanan murid dan menjadikan pembelajaran lebih menarik dan tidak membosankan (Kumaran dan Maddison, 2022) [22]. Guru digalakkan untuk memanfaatkan humor sebagai strategi untuk mewujudkan suasana kelas yang positif dan mengurangkan kecenderungan murid untuk merasa tertekan dalam proses pembelajaran membaca.

Sungguhpun banyak dapatan kajian daripada luar negara telah membuktikan keberkesanan humor dalam mengekalkan serta meningkatkan penglibatan murid, kajian yang menumpukan tentang pengalaman guru bahasa Melayu sekolah rendah dalam mengintegrasikan humor untuk mengajar Kemahiran membaca masih terbatas. Penyelidikan terdahulu, kebanyakannya memberi tumpuan kepada penggunaan humor dalam pengajaran bahasa asing serta sebagai komunikasi yang tidak disengajakan dalam bilik darjah (Rosdiana Dewi, 2013; Menendez-Aller et al., 2020) [5][13]. Jurang ini menjelaskan terdapat keperluan penyelidikan yang dilakukan untuk menyoroti bagaimana para guru tempatan mengamalkan, menyesuaikan dan mentafsir humor sebagai komponen strategi dalam pedagogi untuk pengajaran literasi awal. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengalaman para guru Bahasa Melayu dalam mengamalkan amalan humor semasa mengajar kemahiran membaca.

II. KAJIAN LITERATUR

A. HUMOR PEDAGOGI SEBAGAI MAGNET LITERASI AWAL

Kajian kualitatif yang telah dijalankan menunjukkan bahawa guru menggunakan humor untuk menjelaskan konsep bacaan yang kompleks, menarik perhatian murid, dan mengurangkan kebosanan (Menendez-Aller et al., 2020; Damanik et al., 2021) [13]. Humor sering muncul dalam bentuk permainan kata, analogi lucu dan anekdot yang disesuaikan dengan kandungan bacaan. Guru melihat humor sebagai cara untuk menyokong kefahaman murid terhadap teks yang abstrak. Menurut, Ari Ambarwati (2017) [26]. dalam kajian yang bertajuk Penguatan Karakter Gemar Membaca Melalui Cerpen Humor untuk Anak Sekolah Dasar ada menyatakan bahawa humor mempunyai elemen tersendiri dan signifikan untuk menarik minat murid agar mahu terus membaca. Bukan itu sahaja, hasil dapatan kajian tersebut juga turut menyimpulkan bahawa melalui sumber bahan bacaan humor seperti cerpen merupakan pendorong untuk melatih sifat

murid-murid kepada suka membaca sejak awal dan seterusnya menjadikan murid tersebut mempunyai keupayaan literasi yang baik.

Humor bukan sahaja berperanan dalam aspek kognitif untuk memahami konsep bacaan akan tetapi humor juga turut meningkatkan motivasi murid untuk terus membaca atau menghabiskan apa yang sedang mereka baca (Banas, Dunbar, Rodriguez & Liu, 2011; Garner, 2006) [23] [24]. Humor merupakan satu strategi untuk mengurangkan rasa tekanan atau stres dalam kalangan murid (Kumaran & Maddison, 2022) [22]. Penggunaan humor secara sisipan atau sambilan dalam pembelajaran bahasa dapat meningkatkan motivasi murid-murid kerana dengan menyisipkan humor menjadikan pembelajaran menyeronokkan serta meningkatkan daya ingatan kerana terdapat interaksi positif antara guru dan murid, maka murid termotivasi (Rosdiana Dewi, 2013) [6]. Deli Siska Yuli (2012) [20]. membuktikan bahawa penggunaan anekdot humor dalam pengajaran Kemahiran membaca dapat meningkatkan minat membaca murid. Oleh itu, dapat dilihat bahawa humor humor pada dasarnya mampu untuk memotivasikan murid dalam Kemahiran membaca.

B. PENGALAMAN GURU: ANTARA KEYAKINAN DAN CABARAN

Menurut Norlela Ahmad et al. (2020) [27], cabaran utama murid yang baharu belajar membaca ialah kesukaran membaca perkataan tunggal tanpa imbuhan serta kelemahan dalam mengeja. Hal ini menunjukkan bahawa aspek kognitif menjadi asas penting dalam menguasai kemahiran membaca. Justeru, guru perlu mencari rangsangan yang sesuai bagi menimbulkan minat murid serta menanam rasa puas dalam proses pembelajaran. Walau bagaimanapun, dapatan ini berbeza dengan penekanan kajian Low Jie Ying et al. (2024) [11]. yang menyoroti isu mengekalkan minat murid dalam pengajaran membaca pasca pandemik. Dalam konteks ini, humor dicadangkan sebagai strategi contohnya dengan penggunaan gambar yang menarik, untuk mengatasi kebosanan dan mengekalkan perhatian murid. Perbandingan ini memperlihatkan bahawa cabaran dalam pengajaran membaca bukan sahaja bersifat kognitif (iaitu menguasai asas bacaan) tetapi juga afektif (iaitu mengekalkan motivasi murid).

kajian Sahin (2021) [17]. mendapati terdapat guru yang berasa ragu-ragu menggunakan humor kerana bimbang dianggap tidak serius, atau berisiko kehilangan kawalan bilik darjah. Dapatan yang bercanggah ini memberi gambaran bahawa penggunaan humor dalam pengajaran membaca dipengaruhi oleh konteks budaya, norma profesionalisme, dan identiti pengajaran guru.

Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa cabaran guru dalam menggunakan humor bagi pengajaran membaca meliputi dua dimensi utama: pertama, memastikan murid dapat menguasai bacaan asas secara kognitif; kedua, mengekalkan

minat murid agar proses membaca tidak membosankan. Namun, masih terdapat jurang kajian yang kurang meneliti bagaimana humor boleh berperanan secara serentak dalam menangani kedua-dua cabaran ini, khususnya dalam konteks kemahiran membaca perkataan tunggal atau

C. HUMOR SEBAGAI PENGURANG HALANGAN AFEKTIF (AFFECTIVE FILTER REDUCER)

Kajian lepas menunjukkan bahawa guru tidak lagi melihat humor semata-mata sebagai hiburan, sebaliknya sebagai strategi pedagogi yang menyokong keberkesanan pengajaran. Ari Ambarwati (2018) [31] menegaskan bahawa humor membantu melegakan ketegangan, manakala Putri Juwita (2016) [9] pula mendapati penggunaannya berfungsi sebagai media menarik minat murid. Walaupun kedua-dua kajian ini menekankan dimensi afektif, ia masih kurang membincangkan implikasi humor dalam konteks kemahiran membaca. Kajian lain yang lebih khusus, Anita Candra Dewi (2024) [4] menegaskan fungsi teks anekdot sebagai alat dan bahan pedagogi yang bukan sahaja boleh membuatkan murid ketawa tetapi juga mewujudkan suasana positif di dalam bilik darjah. Dapatan ini sepadan dengan Heidari-Shahreza (2021) dan Cayak dan Tekin (2023) [1] yang menekankan fungsi humor sebagai *affective filter reducer* iaitu mengurangkan kerisauan murid serta mendorong mereka untuk membaca dengan lebih yakin. Pembelajaran menyeronokkan seperti humor adalah penting untuk dilaksanakan oleh guru dalam usaha mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan lebih-lebih lagi untuk mata pelajaran yang kurang diminati oleh murid, selaras dengan saranan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (Hafifi Hafidz Horace, 2022) [7]

Namun begitu, sebahagian besar dapatan kajian ini menekankan manfaat afektif humor, tetapi tidak memberi perhatian mendalam tentang bagaimana humor boleh diintegrasikan secara sistematik dalam pengajaran membaca, khususnya bagi murid tahap awal. Oleh hal yang demikian, terdapat jurang yang perlu diterokai untuk memahami secara lebih menyeluruh dan holistik tentang pengalaman guru dalam mengaplikasikan humor untuk membina kefahaman serta penglibatan murid ketika membaca.

D. CABARAN GURU MENGINTEGRASI HUMOR DALAM PENGAJARAN MEMBACA

Kajian lepas telah menunjukkan bahawa penggunaan humor dalam pengajaran membaca menghadapi pelbagai cabaran yang merentasi aspek pedagogi, sensitiviti budaya, dan isu praktikal. Dari

III. KAEDAH PENYELIDIKAN

Reka bentuk kajian ini adalah kualitatif melalui pendekatan analisis dokumen yang melibatkan pemilihan artikel dan jurnal yang sesuai

perkataan berimbuhan. Jurang inilah yang membuka ruang bagi kajian lanjut untuk memahami pengalaman sebenar guru mengintegrasikan humor dalam pengajaran membaca.

sudut pedagogi, guru Bahasa Melayu dilaporkan kurang berkemahiran dalam merancang, melaksana dan mengurus strategi PdP berasaskan humor atau Didik Hibur, menyebabkan keberkesanan pendekatan ini tidak dapat dimanfaatkan secara optimum (Siti Aishah & Wan Muna Ruzanna, 2022) [28]. Kelemahan ini memberi kesan langsung terhadap keupayaan guru menyepadukan elemen humor ke dalam pembelajaran membaca, yang sepatutnya berperanan menarik minat serta meningkatkan motivasi murid. Selain itu, keberkesanan humor juga sangat dipengaruhi oleh sensitiviti budaya dan konteks murid.

Hal ini jelas menggambarkan bahawa humor dalam pengajaran tidak bersifat universal, sebaliknya memerlukan kepekaan guru tentang budaya serta memerlukan kebijaksanaan dalam memilih bentuk humor yang benar-benar sesuai dengan tahap umur serta latar belakang murid. Tanpa kesedaran budaya yang tinggi, humor berisiko menjejaskan suasana bilik darjah dan mengganggu keberkesanan proses pembelajaran membaca. Perspektif praktikal pula, hasil dapatan kajian lepas turut melaporkan cabaran lain seperti ketiadaan latihan formal dalam menggunakan humor sebagai strategi pedagogi, kekangan masa akibat jadual kurikulum yang padat, serta persepsi bahawa humor tidak selari dengan imej profesional seorang guru (Heidari-Shahreza, 2021) [20]. Justeru itu, kekangan ini menyukarkan guru untuk mengintegrasikan humor secara berstruktur dan konsisten dalam PdP membaca, Bahkan dalam sesetengah situasi menyebabkan guru lebih suka mengekalkan pendekatan tradisional yang dianggap lebih serius.

Oleh itu, secara keseluruhannya, tiga dimensi cabaran ini menunjukkan bahawa penggunaan humor dalam pengajaran membaca bukanlah sesuatu yang mudah untuk diaplikasikan dan spontan. Keberkesanan humor ini sangat bergantung kepada gabungan beberapa faktor iaitu sensitiviti budaya yang tinggi, sokongan praktikal dalam bentuk latihan kemahiran dan pedagogi yang mantap serta persekitaran kurikulum yang kondusif. Tanpa keseimbangan antara ketiga-tiga aspek ini, humor berisiko gagal berfungsi sebagai strategi pedagogi yang benar-benar mampu meningkatkan pengalaman pembelajaran membaca.

dari pangkalan data seperti *Google Scholar* dan *ResearchGate* tanpa perlu melibatkan sampel atau peserta kajian secara langsung (Sherly, Edy Dharma, & Sihombing, 2020) [19]. Artikel yang memenuhi

kriteria dianalisis. Data dianalisis secara tematik untuk mengenal pasti corak, persamaan dan perbezaan dalam pengalaman guru berkaitan bentuk

humor yang digunakan, keberkesannya serta cabaran yang dihadapi

IV. KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

A) Pengalaman Guru dalam Mengamalkan Humor

Berdasarkan hasil dapatan literatur menunjukkan bahawa pengalaman guru dalam mengamalkan humor dalam pengajaran membaca berada dalam pelbagai spektrum, mencerminkan keberkesanan yang kontekstual serta tidak seragam. Pada dasarnya, guru menggunakan humor sebagai alat pedagogi untuk menarik perhatian murid, mengurangkan kebosanan serta menerangkan konsep bacaan yang kompleks (Menendez-Aller et al., 2020; Damanik et al., 2021) [14]. Namun begitu, keberkesanan humor sebagai scaffolding terhadap kefahaman bacaan wajar ditafsir secara kritis. Bagi murid tahap awal yang masih berjuang dengan asas bacaan, humor berisiko berfungsi hanya sebagai hiburan ringan tanpa memberikan kesan kognitif yang signifikan. Hal ini menimbulkan persoalan sama ada humor berkesan untuk semua tahap literasi atau hanya berfungsi sebagai strategi sokongan tambahan bagi murid yang sudah mempunyai asas membaca.

B) Humor dan Motivasi Murid

Selain itu, banyak kajian lepas membuktikan bahawa humor mampu meningkatkan motivasi murid untuk membaca, seterusnya menggalakkan penglibatan mereka (Rosdiana Dewi, 2013; Deli Siska Yuli, 2012; Chowdhury, 2022) [5][20]. Walau bagaimanapun, motivasi yang ditunjukkan mungkin hanya bersifat jangka pendek. Kebergantungan murid kepada humor boleh mewujudkan persepsi bahawa membaca hanya menyenangkan apabila disertai elemen lucu atau jenaka. Justeru itu, isu ini menimbulkan persoalan pedagogi dalam kalangan guru kerana guru akan berdepan dengan cabaran untuk mengekalkan minat membaca murid apabila humor tidak lagi digunakan. Oleh itu, humor perlu difahami bukan sebagai pengganti strategi membaca yang mantap, tetapi sebagai pemangkin awal yang mesti digabungkan dengan pendekatan literasi lain untuk menjamin keberkesanan jangka panjang.

C) Dimensi Afektif Humor

Dari segi dimensi afektif pula, pengalaman guru membuktikan jika humor berfungsi sebagai affective filter reducer yang berupaya meningkatkan keyakinan murid serta menurunkan rasa kebimbangan mereka (Heidari-Shahreza, 2021; Cayak & Tekin, 2023) [1][29]. Namun, dapatan ini juga menimbulkan paradoks. Walaupun humor berupaya menenangkan suasana pembelajaran, ianya juga mampu mengalih tumpuan murid daripada isi pelajaran sekiranya

tidak diurus dengan baik dan tersusun. Guru yang kurang mahir menggunakan humor dalam pengajaran mungkin mendapati murid lebih fokus kepada unsur lawak daripada kandungan bacaan itu sendiri. Ini menjelaskan bahawa humor bersifat dwi-fungsi, ia boleh membantu pengajaran membaca atau sebaliknya, iaitu mengganggu proses penguasaan literasi jika tidak dikawal dengan baik.

D) Persepsi Guru terhadap Humor

Berdasarkan kepelbagaian pengalaman guru yang telah diperoleh, membuktikan bahawa penggunaan humor tidak bersifat holistik. Hal ini demikian kerana, terdapat dua dapatan pendapat yang kontra. Ada guru yang berpendapat bahawa humor sepadan dengan corak pengajaran mereka serta membantu melahirkan suasana pembelajaran positif (Lourenco et al., 2019)[12]. Namun, sebahagian guru pula ragu-ragu menggunakannya kerana risau akan mengganggu kawalan kelas atau dianggap tidak profesional (Sahin, 2021)[17]. Perbezaan pengalaman ini mecatatkan persoalan kritikal sama ada humor sesuai dijadikan amalan pedagogi yang inklusif untuk semua guru, atau hanya sesuai untuk mereka dengan kebolehan dan personaliti tertentu. Tegasnya, pengalaman guru dalam mengamalkan humor tidak hanya bergantung kepada kebolehan pedagogi, tetapi juga dipengaruhi oleh identiti profesional, norma budaya, dan nilai peribadi mereka.

E) Cabaran Integrasi Humor

Selain itu, cabaran yang dilaporkan dalam literatur menggambarkan tiga dimensi utama: pedagogi, budaya dan praktikal. Dari aspek pedagogi, kelemahan guru ialah dalam merancang serta melaksanakan humor secara sistematik dan teratur, menunjukkan isu kompetensi yang masih belum ditangani sepenuhnya (Siti Aishah & Wan Muna Ruzanna, 2022)[30]. Dari sudut budaya, humor tidak bersifat universal kerana jenaka yang sesuai dalam satu kumpulan murid boleh menyinggung kumpulan lain (Damanik et al., 2021; Cayak & Tekin, 2023)[1]. Sementara itu, cabaran praktikal seperti kekangan masa, ketiadaan latihan formal, dan tanggapan bahawa humor bertentangan dengan imej profesional guru (Heidari-Shahreza, 2021)[8] menghalang integrasi humor secara konsisten dalam PdP membaca. Dapatan ini menunjukkan bahawa penggunaan humor tidak boleh dipandang

sebagai strategi mudah yang boleh diaplikasi tanpa sokongan sistemik.

F) Jurang Penyelidikan dan Implikasi Masa Depan

Secara keseluruhannya, dapatan kritis ini memperlihatkan bahawa pengalaman guru dalam mengamalkan humor dalam pengajaran membaca bukan sekadar isu keberkesanan, tetapi mencerminkan satu dilema pedagogi yang lebih kompleks. Humor sememangnya berpotensi meningkatkan kefahaman kognitif, motivasi, dan penglibatan murid. Namun, keberkesanannya bergantung pada tahap literasi murid, kemahiran guru mengimbangi unsur hiburan dan isi pelajaran, serta sensitiviti terhadap konteks budaya. Jurang penyelidikan juga jelas wujud, khususnya dalam memahami bagaimana humor boleh digunakan secara sistematik untuk menangani cabaran kognitif (menguasai asas membaca) dan afektif (mengkalkan motivasi) secara serentak. Jurang ini membuka ruang penting bagi penyelidikan lanjut untuk menggambarkan pengalaman sebenar guru mengintegrasikan humor sebagai strategi pedagogi membaca yang berkesan dan lestari.

G) Humor sebagai Strategi Pedagogi Pelbagai Dimensi

Hasil dapatan kajian menjelaskan humor dalam pengajaran membaca berfungsi sebagai strategi pedagogi pelbagai dimensi, yang bukan sahaja memudahkan kefahaman konsep bacaan kompleks tetapi juga meningkatkan motivasi dan penglibatan murid (Menendez-Aller et al., 2020; Damanik et al., 2021)[14]. Humor melalui analogi lucu, anekdot, permainan kata dan analogi lucu membantu untuk mengkalkan minat membaca murid sejak awal, sekaligus membina asas literasi. Secara kritikal, keberkesanan humor tidak bersifat universal, ia bergantung kepada pengalaman guru, tahap umur murid dan kesesuaian budaya, yang menggambarkan jelas bahawa keperluan perancangan dan penyesuaian yang teliti dalam bilik darjah.

H) Dualiti Penerimaan Humor dalam Kalangan Guru

Berdasarkan pengalaman guru pula menunjukkan dualiti penerimaan humor. Seseorang guru berpendapat humor sebatian dengan cara serta identiti pengajaran mereka dan menyokong jika humor mampu mewujudkan suasana bilik darjah yang positif, manakala sebahagian guru berasa ragu-ragu kerana risau dianggap tidak serius atau kehilangan kawalan kelas (Sahin, 2021)[17]. Kenyataan ini mencetuskan pendapat bahawa persepsi profesionalisme dan kemahiran pedagogi menjadi kayu ukur sebagai penentu utama keberkesanan humor. Hal ini juga turut menunjukkan bahawa pembangunan profesional serta latihan formal harus menekankan strategi penggunaan humor yang bersesuaian, khususnya untuk PdP membaca.

I) Peranan Afektif Humor dalam Pengajaran Membaca

Dari aspek afektif, humor berperanan sebagai affective filter reducer, iaitu berperanan mengurangkan kerisauan murid dan meningkatkan keyakinan serta penglibatan aktif (Heidari-Shahreza, 2021; Cayak & Tekin, 2023; Anita Candra Dewi, 2024)[4]. Walaupun manfaat afektif jelas, integrasi humor secara berstruktur dan sistematik dalam pengajaran membaca masih kurang penelitian, khususnya untuk murid tahap awal belajar Kemahiran membaca. Cabaran praktikal seperti ketiadaan latihan formal, kekangan masa, persepsi terhadap profesionalisme guru, serta sensitiviti budaya dalam memilih jenaka menunjukkan bahawa humor bukan strategi pedagogi universal, sebaliknya memerlukan keupayaan kebijaksanaan dan sokongan sistemik untuk diintegrasikan secara efektif.

J) Potensi Humor dan Jurang Penyelidikan

Keseluruhannya, humor mempunyai peluang serta potensi untuk meningkatkan literasi dan motivasi membaca, tetapi keberkesanannya bergantung kepada gabungan beberapa faktor seperti praktikal budaya, dan pedagogi. Jurang kajian utama ialah kekurangan kajian yang meneliti integrasi humor secara serentak untuk menyokong aspek kognitif dan afektif murid, khususnya dalam konteks penguasaan bacaan perkataan tunggal atau berimbuhan. Oleh itu, kajian masa depan perlu menumpukan pada pengalaman sebenar guru dalam menggunakan humor sebagai strategi literasi yang holistik, serta membangunkan panduan praktikal untuk PdP membaca yang lebih kondusif.

PENGAKUAN

Terima kasih saya ucapkan kepada pensyarah penyelia saya Dr Hafifi Hfidz Horace kerana telah banyak memberikan bimbingan. Terima kasih juga kepada para pensyarah yang telah memberi tunjuk ajar. Terima kasih kepada keluarga yang telah memberikan sokongan.

RUJUKAN

- [1] S. Cayak and O. E. Tekin, "Teachers' perspectives on humor use in language classrooms: A qualitative study," *International Journal of Educational Research*, vol. 112, pp. 101–115, 2023.
- [2] F. Chowdhury, "The impact of humor on classroom engagement in reading lessons," *Journal of Language and Education Studies*, vol. 15, no. 2, pp. 45–60, 2022.
- [3] S. F. Damanik et al., "Humor as a pedagogical tool: Teachers' strategies in literacy classrooms,"

Asian Journal of Education, vol. 9, no. 3, pp. 77–89, 2021.

[4] A. C. Dewi, “Keefektifan teks anekdot dalam menghibur pembaca,” *Jurnal Vokatif: Pendidikan Bahasa, Kebahasaan dan Sastra*, Universitas Negeri Makassar, n.d.

[5] R. Dewi, “Peningkatan motivasi belajar siswa pada mata pelajaran Bahasa Indonesia melalui strategi sisipan humor kelas IV Sekolah Dasar Negeri 3 Kecamatan Senapelan Kota Pekanbaru-Riau,” Skripsi tidak diterbitkan, Fakultas Tarbiyah dan Keguruan, Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau, Pekanbaru, 2013.

[6] R. Dewi, “Peningkatan motivasi belajar siswa pada mata pelajaran Bahasa Indonesia melalui strategi sisipan humor kelas IV Sekolah Dasar Negeri 3 Kecamatan Senapelan Kota Pekanbaru-Riau,” Undergraduate thesis, Fakultas Tarbiyah dan Keguruan, Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau, 2013.

[7] H. Hafidz Horace, “Humor dalam pengajaran guru Bahasa Melayu di sekolah rendah,” Tesis Sarjana, Fakultas Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah, 2022.

[8] M. A. Heidari-Shahreza, “Humor in EFL classrooms: A qualitative analysis of teacher experiences,” *Journal of Applied Linguistics and Language Research*, vol. 8, no. 4, pp. 33–49, 2021.

[9] P. Juwita, “Pemahaman pembelajaran wacana melalui humor terhadap minat baca siswa pada SD IT Sakinah Az-Zahra Jalan Lintas Simpang Dolok Dusun I Desa 4 Negeri Kecamatan 50 Kabupaten Batu Bara,” vol. 2, no. 1, p. 26, 2016.

[10] Kementerian Pendidikan Malaysia, Laporan Tahunan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025 (2022). Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2022.

[11] J. Y. Low and Z. Mahamod, “Strategi dan cabaran pengajaran kemahiran membaca yang digunakan oleh guru Bahasa Melayu dari Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dalam meningkatkan kemahiran membaca murid Tahap 1,” *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, vol. 14, no. 2, pp. 117–137, 2024.

[12] A. Lourenco et al., “Humor and motivation in the classroom: Teachers’ narratives,” *European Journal of Teacher Education*, vol. 42, no. 5, pp. 587–602, 2019.

[13] A. Menendez-Aller et al., “Exploring the functions of humor in reading classrooms: A qualitative approach,” *Teaching and Teacher Education*, vol. 96, pp. 103–111, 2020.

[14] A. Menendez-Aller, A. Postigo, P. Montes-Álvarez, F. J. González-Primo, and E. García-Cueto, “Humor as a protective factor against anxiety and depression,” *International Journal of Clinical and Health Psychology*, vol. 20, no. 1, pp. 38–45, 2020.

[15] M. S. Mohd Aswari and D. Jasni, “Penilaian bahasa visual terhadap faktor penglibatan pembaca komik Melayu,” in *Proc. 2nd Int. Conf. Creative Media, Design & Technology (REKA2016)*, Universiti Sains Malaysia, 2016.

[16] C. S. B. Ngai et al., “Teachers’ identities and humor use in literacy education: A phenomenological study,” *Language and Education*, vol. 39, no. 1, pp. 112–130, 2025.

[17] A. Sahin, “Teachers’ lived experiences of humor in primary education: A phenomenological study,” *International Journal of Instruction*, vol. 14, no. 3, pp. 215–230, 2021.

[18] S. P. Saktianayakan, “Sikap, amalan dan masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil dalam

mengaplikasikan kaedah Didik Hibur dalam pengajaran,” *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, vol. 13, no. 2, pp. 130–143, 2023.

[19] S. Sherly, E. Dharma, and H. B. Sihombing, *Merdeka belajar: Kajian literatur*. STIE Sultan Agung & Universitas Darma Agung, 2020.

[20] D. S. Yuli, “Meningkatkan minat membaca melalui penerapan strategi anekdot pada siswa kelas III mata pelajaran Bahasa Indonesia di Madrasah Ibtidaiyyah Swasta Hubbullah Pekanbaru,” Skripsi, UIN, 2012.

[21] Lu’mu *et al.*, “Perceived related humor in the classroom, student–teacher relationship quality, and engagement,” *Heliyon*, vol. 9, no. 1, Art. no. e13035, 2023, doi: 10.1016/j.heliyon.2023.e13035.

[22] M. Kumaran and T. Maddison, “Keep it light: Using humour in library orientations,” *Journal of the Scholarship of Teaching and Learning*, vol. 22, no. 2, pp. 119–130, Jun. 2022, doi: 10.14434/josotl.v22i2.31668.

[23] J. A. Banas, N. Dunbar, D. Rodriguez, dan S. Liu, “A review of humor in educational settings:

Four decades of research,” *Communication Education*, vol. 60, no. 1, pp. 115–144, 2011.

[24] R. L. Garner, “Humor in pedagogy: How ha-ha can lead to aha!,” *College Teaching*, vol. 54, no. 1, pp. 177–180, 2006.

[25] M. Kumaran dan T. Maddison, “Keep it light: Using humour in library orientations,” *Journal of the Scholarship of Teaching and Learning*, vol. 22, no. 2, pp. 119–130, Jun. 2022, doi: 10.14434/josotl.v22i2.31668.

[26] A. Ambarwati, “Penguatan Karakter Gemar Membaca Melalui Cerpen Humor untuk Anak Sekolah Dasar,” Prodi Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia, FKIP Universitas Islam Malang, 2017.

[27] Norlela Ahmad and Shamsudin Othman, “Penggunaan Kaedah Didik Hibur dalam Pengajaran Kemahiran Membaca Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah,” *International Journal of Education and Training (InJET)*, vol. 6, no. 2, pp. 1–11, Nov. 2020.

[28] Siti Aishah SembaiAban Abdullah& Wan Muna RuzannaWan Mohammad. (2022). Cabaran pengaplikasian pendekatan didik hibur dalam pengajaran guru Bahasa Melayu dari aspek kemahiran membaca dalam talian.Jurnal Dunia Pendidikan,4(1), 349-362.



[29] TESOL Journal 12(1): 2021: e572. *Humor in the Language Classroom: Pedagogical*

Benefits and Practical Considerations. Mohammad Ali Heidari-Shahreza. Islamic Azad University.

[30] Jurnal Dunia Pendidikan 4(1): 2022: 349–362. *Cabaran Pengaplikasian Pendekatan Didik Hibur dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu dari Aspek Kemahiran Membaca dalam Talian.* Siti Aishah Sembai Aban Abdullah & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad.

[31] A. Ambarwati, *Penulisan Cerita Humor Melayu Indonesia untuk Anak Usia 7–11 Tahun*, Universitas Islam Malang, 2018.

MAKLUMAT PENULIS

<p>Penulis Pertama: Peyona Binti Mokhtar</p> 	<p>Institut Pendidikan Guru Kampus Gaya. 88805, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia E-mail: peyonamokhtar241092@gmail.com</p>
<p>Penulis Kedua: Dr. Hafifi Hafidz Horace</p> 	<p>Institut Pendidikan Guru Kampus Gaya. 88805, Kota Kinabalu, Sabah E-mail: hafifihorace@gmail.com</p>